

16/03/2003

Pak Lah main peranan selesai krisis MCA

KUALA LUMPUR: Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menegaskan beliau akan memainkan peranan mengatasi masalah yang dialami dalam MCA

"Pengerusi BN tak ada, saya sebagai Timbalan Pengerusi akan bertanggungjawab dalam hal ini," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Kurang Upaya 2002, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Pada masa sama, beliau sekali lagi meminta media massa tidak menggembar-gemburkan pertelingkahan dalaman parti itu kerana hanya akan memburukkan lagi keadaan.

Sementara itu, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sedia menerima nasihat Abdullah bagi memastikan gejala kongsi gelap tidak menular dan memusnahkan parti itu dan Barisan Nasional (BN).

Pada masa sama, katanya, beliau sedia menerima cadangan pelan damai daripada mana-mana pemimpin BN dalam usahanya merapatkan jurang perpecahan yang wujud dalam parti itu.

Bagaimanapun beliau berkata, kestabilan yang sebelum ini berjaya dicapai melalui pelan damai inisiatif Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu semua jawatan dalam parti itu dikekalkan, kini tergugat apabila ada pihak tertentu sengaja menimbulkan pelbagai dakwaan tidak berasas mengenai MCA.

"Kami sentiasa mengalu-alukan perdamaian. Kami berjaya mewujudkan kestabilan dalam tempoh itu, tetapi sebaik saja kestabilan dicapai, ada saja tuduhan seperti kongsi gelap," katanya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Lembaga Yayasan Chang Ming Thien di Wisma MCA di sini, semalam.

Dr Ling juga berharap dapat bertemu Abdullah bagi memberi penjelasan berhubung isu berkenaan.

Di SUNGKAI, Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat mengesahkan beliau sudah menyerahkan beberapa `nama besar' dalam MCA yang ada kaitan dengan politik kongsi gelap dalam parti itu Abdullah.

Ong berkata, nama itu diserahkan ketika menemui Abdullah di Putrajaya, kelmarin.

"Saya serahkan beberapa `nama besar' itu kepada Pak Lah dalam pertemuan yang berlangsung selama kira-kira 10 minit di pejabatnya," katanya di sini, semalam.

Ong yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan, bagaimanapun enggan mengulas lanjut butiran `nama besar' terbabit.